

**Raja Muda Perlis Lawat Empat Sekolah Di Sandakan Bagi Program Titian Kasih
Bernama
2 Ogos, 2012**

KANGAR, 2 Ogos (Bernama) -- Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil hari ini melawat empat buah sekolah menengah sekitar Sandakan, Sabah bagi menjayakan program motivasi Titian Kasih.

Sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sandakan, SMK Batu Sapi, Sekolah Menengah (SM) Vokasional Sandakan dan SM Agama Tun Juhar.

Program Titian Kasih yang diisi dengan ceramah motivasi dan kempen tanggungjawab sosial korporat diperkenalkan oleh Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) Perlis sejak lima tahun lalu dan julung kali diadakan di luar Perlis.

Menurut siaran media yang dikeluarkan YTSP di sini Khamis, program Titian Kasih itu dilaksanakan dengan kerjasama Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan.

Tuanku Syed Faizuddin yang juga Pengerusi YTSP berada di Sandakan bagi mengetuai delegasi kerajaan negeri Perlis melawat kawasan Ops Pasir di perairan Sabah selama empat hari sejak Ahad lepas bagi bertemu anggota pasukan keselamatan yang bertugas dan menyampaikan kuih raya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685137>

